

Sejarah Penubuhan Unit Pinjaman Dan Kebajikan Pelajar Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

✍️ Mohammad Irhamuddin Mansor

Latar Belakang

Unit Pinjaman Dan Kebajikan Pelajar merupakan sebuah unit yang menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan pinjaman, biasiswa dan kebajikan pelajar. Unit ini ditubuhkan semenjak penubuhan Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) iaitu pada tahun 2002. Semasa perancangan penubuhan unit tersebut, belum ada pelajar yang belajar di KUKUM sehingga pada Julai 2003 kemasukan pelajar pertama di KUKUM.

Peringkat awal penubuhan unit ini diterajui oleh En. Abd Aziz bin Najimuddin seorang pegawai yang mempunyai pengalaman berkhidmat di Universiti Sains Malaysia selama 23 tahun. Beliau bertanggungjawab dalam merancang, membentuk dan mengurus unit tersebut sebelum beliau bertukar ke Pejabat Naib Canselor.

Setelah menerima kemasukan pelajar ke KUKUM, unit ini masih lagi di kendalikan oleh En. Abd Aziz Najimuddin di bawah seorang Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar iaitu En. Shamsul Bahar Yaakob. Seorang Pembantu Tadbir (P/O) telah ditempatkan di unit ini iaitu Encik Mohammad Irhamuddin Bin Mansor bagi membantu melancarkan pengurusan unit tersebut. Pegawai khusus yang menguruskan unit tersebut diteruskan oleh Puan Fazlina Md. Fadzil.

Beliau telah menguruskan unit tersebut sehingga awal 2004 dan digantikan oleh En. Mohammad Irhamuddin bin Mansor seorang pembantu tadbir (P/O) beliau yang dinaikkan pangkat ke Pegawai Tadbir. Ketika ini, Jabatan Hal Ehwal Pelajar KUKUM masih lagi kecil dan belum ramai staf yang berkhidmat, tugas-tugas perkeranian dipertanggungjawabkan kepada pembantu tadbir dari unit lain sehingga kekosongan jawatan pembantu tadbir bagi

unit tersebut diisi oleh En. Adi Asyraf bin Zulkifli.

Kejayaan KUKUM mengemudi tidak dapat dinafikan lagi sehingga penjenamaan semula KUKUM kepada Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) pada tahun 2008. Unit ini masih lagi kekal dengan pegawai dan pembantu tadbir yang sama walau pun Dekan dan Timbalan dekan silih berganti.

Selepas berlakunya proses penstrukturan semula Jabatan HEPA pada 28 April 2009, pembantu tadbir di unit ini En. Adi Asyraf Bin Zulkifli telah ditukarkan ke unit lain dan digantikan dengan Puan Nur Shuhada Bin Hakimin. Sehingga kini unit ini bertanggungjawab dalam mengurus dan mengendalikan hal-hal berkaitan pinjaman, biasiswa dan kebajikan pelajar hampir 5,000 orang pelajar UniMAP.

a. Kejayaan - Kejayaan Unit Pinjaman Dan Kebajikan Pelajar.

Sebagaimana unit pengurusan lain, unit ini juga telah berjaya merancang dan melaksanakan hal-hal berkaitan dengan pinjaman, biasiswa dan kebajikan pelajar. Unit ini telah berjaya memperolehi 6 tajaan dari

Persekutuan, 18 dari kerajaan negeri, 11 dari agensi swasta dan 12 dari lain-lain tajaan. Manakala bagi kebajikan, unit ini telah membantu pelajar dengan menubuhkan Tabung Amanah Khas UniMAP di mana dana dari tabung ini di kutip dari potongan gaji pensyarah yang ingin membuat kebajikan. Juga Tabung Amanah Zakat Etiqa Takful dan Tabung Amanah Zakat Bank Islam. Tabung-tabung ini di bentuk bagi tujuan memberi bantuan kepada pelajar UniMAP yang berkelayakan dan memerlukan bantuan.

b. Penutup

Dengan keupayaan tenaga dan perancangan yang telah dirancang dengan rapi, unit ini akan lebih mantap dan secara khususnya merealisasikan hasrat kerajaan meningkatkan modal insan kepada pelajar itu sendiri.

